



**SIARAN AKHBAR
MAJLIS KESYUKURAN
SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS 2018**

Bandar Seri Begawan, Isnin, 1 Oktober 2018 – Bagi memperingati Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) yang diraikan setiap 1 Oktober, setiap tahun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menganjurkan majlis kesyukuran yang diadakan secara serentak di seluruh daerah pagi ini sebagai tanda penghargaan kepada jasa dan sumbangan golongan warga emas kepada pembangunan negara. Majlis Kesyukuran tersebut diadakan di Masjid Ash-Shaliheen bagi Daerah Brunei Muara; Pusat Kegiatan Warga Emas bagi sambutan di Daerah Tutong; Pusat Masyarakat Bestari Kg Pandan bagi Daerah Belait; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis kesyukuran di Masjid Ash-Shaliheen ialah Yang Mulia Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir sama ialah ahli-ahli dari warga emas Daerah Brunei Muara, Pusat Kegiatan Warga Emas Lambak Kanan, Majlis Wanita, Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Majlis Perundingan Kampung (MPK), Majlis Perundingan Kampung Sengkurong, Muslimah Masjid Sengkurong serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yaasin, Tahlil dan diikuti dengan doa kesyukuran yang dipimpin oleh Yang Mulia Ustaz Haji Nordin bin Durahman, Guru Ugama Kompleks Rumah Kebajikan. Acara juga diselajurkan dengan tazkirah bertajuk “Meniti Kehidupan ke Alam Persinggahan Sementara” yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Drs Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah dari Pusat Da’wah Islamiah.

Majlis Kesyukuran di Daerah Tutong pula dihadiri oleh Yang Mulia Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain, Pegawai Daerah Tutong selaku tetamu kehormat majlis. Hadir sama ialah Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, ahli Mesyuarat Negara dan selaku penghulu Mukim Telisai Tutong; Yang Mulia Awang Haji Jainuddin bin Hj Ahmad, Pemangku Ketua JAPEM Cawangan Tutong dan selaku pengerusi majlis; Yang Mulia Awang Haji Metamit bin Mat Zain, Ketua Pengurus Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong; Yang Mulia Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim, Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong; Yang Mulia Hj Jaya bin Hj Yahya, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong; Yang Mulia Imam (B) Hj Hamafi bin Mohd Yassin,

Pengerusi (1) ahli Jawatankuasa Kerja PKWE Tutong serta ahli-ahli warga emas PKWE Daerah Tutong dan pegawai-pegawai kanan JAPEM Cawangan Tutong.

Selepas bacaan surah Yaasin, Tahlil dan doa kesyukuran serta doa Peliharakan Sultan yang dibacakan oleh Yang Mulia Imam (B) Hj Hamafi bin Mohd Yassin, sebuah tazkirah bertajuk “Hak Asasi Warga Emas” disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Hj Anwari bin Hj Rawi.

Tetamu kehormat bagi Majlis Kesyukuran di Daerah Belait dihadiri oleh Yang Mulia Hj Pungut Bin Ali, Penghulu Mukim Kuala Belait. Selepas bacaan surah Yaasin, Tahlil dan doa kesyukuran, tazkirah bertajuk “Hargai Masa” disampaikan oleh Yang Mulia Awang Hj Haslan Bin Hj Shahbudin, Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait.

Tetamu kehormat majlis kesyukuran di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong pula dihadiri oleh Yang Mulia Mohammad Khairul Shahrul bin Haji Duahim, Pemangku Pegawai Daerah Temburong. Sejurus selepas bacaan surah Yaasin, Tahlil dan doa kesyukuran dibacakan, tazkirah bertajuk “Rebutlah Lima Perkara Sebelum Datang Lima Perkara” disampaikan oleh Yang Mulia Awang Hj Safrillah bin Hj Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Masjid.

Tema sambutan HAWA pada tahun ini ialah “Meraikan Hak Asasi Warga Emas” (*Celebrating Older Human Rights Champions*). Bersempena dengan sambutan HAWA, JAPEM juga akan mengadakan Majlis Perasmian Hari Antarabangsang Warga Emas yang mana akan diselajurkan dengan Bengkel Warga Emas yang akan diadakan pada hari Khamis, 11 Oktober 2018 bersamaan 2 Safar 1440 di Dewan Di-Gadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tamat

Dikeluarkan Oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 21 Muharram 1440 / 1 Oktober 2018